

Gerakan Teliti Senarai Calon Untuk PRU-13
Bernama
14 April , 2012

BUKIT MERTA JAM, 14 April (Bernama) -- Parti Gerakan sedang meneliti senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) untuk parti itu sebelum menyerahkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata setiap calon yang disenaraikan itu akan menjalani beberapa proses termasuk saringan daripada beberapa pihak yang tidak berkepentingan dalam parti.

"Senarai calon yang ada juga terdiri daripada gabungan muka lama dan baru," katanya kepada pemberita di sini.

Koh, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata BN Pulau Pinang sentiasa bersedia sedia bagi menghadapi pilihan raya umum.

"Kita tidak perlu melancarkan jentera (BN negeri) kerana semua pemimpin dan anggota BN di Pulau Pinang memang telah bekerja keras sejak tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659090>